

22 JUL 1999

Rumah

KERAJAAN NEGERI BINA 1,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH

KUALA TERENGGANU, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri melalui Konsortium Perumahan Negeri Terengganu akan membina 1,000 unit rumah kos rendah bernilai kira-kira RM30 juta di kampung Kubang Parit di sini, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Penjaja Kecil Negeri Ahmad Said berkata rumah yang mempunyai tiga bilik itu akan dijual dengan harga RM30,000 seunit.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara pecah tanah projek itu sempena lawatan dua hari beliau ke negeri ini mulai 29 Julai ini," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian mesyuarat agung Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Terengganu cawangan Kuala Terengganu di sini, hari ini.

Menurut beliau projek itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun dan tumpuan utama akan diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai rumah dan para peniaga kecil.

Beliau berkata kerajaan bercadang menjadikan kawasan Kubang Parit itu sebagai kawasan pertumbuhan bandar baru dengan dilengkapi rumah-rumah kos rendah, sederhana dan premis perniagaan.

Ahmad berkata selain projek itu, beberapa lagi projek perumahan kos rendah sedang dilaksanakan, seperti di Bukit Kuang, Kemaman iaitu sebanyak 461 unit, Dungun (420 unit) dan Jabi, Besut (160 unit).

Menurut beliau dalam masa yang sama, kerajaan turut membina gerai-gerai perniagaan bagi memberi kemudahan yang lebih baik dan selesa kepada peniaga di negeri ini.

Beliau berkata dua projek yang kini dalam pembinaan ialah 12 unit gerai bernilai lebih RM1 juta di Kemaman yang dijangka siap tahun ini dan 20 unit gerai bernilai RM2.4 juta di Kuala Ibai, di sini yang dijangka siap tahun depan.

-- BERNAMA

IB RI